UNIVERSITI SA INS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

OKTOBER/NOVEMBER 1995

# RPK 451 - EKONOMI BANDAR DAN WILAYAH

**Masa : ( 3 jam )**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. a) Jelaskan maksud 'ekonomi perkelompokan'.

   b) Huraikan peranan 'ekonomi perkelompokan' dalam lokasi industri.

(100 markah)

2. a) Jelaskan bagaimanakah konsep 'jarak' dan 'ambang' dapat menerangkan pembantukan kawasan pasaran segi enam dalam Teori Petempatan Pusat.

   b) Bagaimanakah pengetahuan Teori Petempatan Pusat dapat membantu anda untuk merancangkan sesebuah pusat membeli-belah?

(100 markah)

3. Sejauh manakah Teori Asas Ekonomi dapat menerangkan pertumbuhan sesebuah Wilayah?

(100 markah)

4. a) Dengan menggunakan analisis fungsi sewa-bida, bincangkan bagaimanakah nilai tanah mempengaruhi pola guna tanah di sesebuah bandar.

   b) Dalam keadaan manakah, kawalan pembangunan guna tanah diperlukan?

(100 markah)

...2/-

5. a) Jelaskan perubahan struktur ekonomi Wilayah Utara dengan menggunakan Analisis Syif-Syer berdasarkan maklumat dalam jadual berikut:

**(Dalam RM Ribu Juta)**

| | **Wilayah Utara** | | **Negara** | |
|---|---|---|---|---|
| **Sektor Tahun** | **1990** | **1995** | **1990** | **1995** |
| Pertanian | 120 | 135 | 3000 | 6000 |
| Pembuatan | 90 | 120 | 3000 | 4500 |
| Perkhidmatan | 90 | 225 | 6000 | 7500 |

b) Terangkan TIGA kelemahan utama analisis syif-syer.

(100 markah)

6. Jelaskan tren ubanisasi di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1911 - 1991. Bincangkan juga faktor-faktor yang mempengaruhi tren itu.

(100 markah)

7. a) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan ketaksamaan wilayah di negara kita.

b) Mengikut pendapat anda, apakah strategi yang berkesan untuk mengurangkan ketaksamaan wilayah di negara kita?

(100 markah)

-ooo00ooo-